



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PELAJARAN KANAN (G.15)
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwat Ugama.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI PELAJARAN KANAN
INSTITUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Pengajian Islam atau dalam bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- ii) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.14 / G.13 / B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji G.12 / G.11 / B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
3. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, lulus tapisan keselamatan dan bersih daripada rekod-rekod Jenayah Sivill dan Syar'iah.
4. Mempunyai pengalaman sebagai Ketua Bahagian atau Unit.
5. Mempunyai Surat Lulus Ujian 'Tasmie' 30 Juzuk Al-Quran yang masih sah.
6. Mempunyai kertas kerja pembaharuan bidang hafazan Al-Quran / Pengajian Islam / Akademik dan telah berhasil dilaksanakan adalah kelebihan.
7. Kertas Kerja bagi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di Pusat Pengajian dan penyebaran Al-Quran (PPPQ) MABIMS.
8. Mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya SANGAT BAIK tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran (PPPQ) MABIMS dalam urusan pentadbiran (PPPQ) MABIMS;
2. Bertanggungjawab sepenuhnya dalam aktiviti:
 - a) Musabaqah Hafazan Al-Quran berserta Pemahamannya di peringkat Kebangsaan dan Peringkat Anggota Negara-Negara MABIMS;
 - b) Ujian Tasmie' 10,20 dan 30 juz;
 - c) Latihan dan Kursus (Skim Kefahaman Al-Quran);
 - d) Latihan dan Kursus Tarannum;
 - e) Pengajaran dari Al-Quran;
 - f) Mutiara Hadith;
 - g) Jurnal peringkat Anggota Negara-Negara MABIMS;
3. Membantu pengarah Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran (PPPQ) MABIMS untuk urusan tugas-tugas khas;
4. Membantu Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah dalam Hal Ehwal Akademik Institut khusus bidang Al-Quran, Pengajian Islam dan Akademik;
5. Membantu menyediakan kertas-kerja pembaharuan khusus bidang pengajian Hafazan Al-Quran, Qiraat dan Tarannum;
6. Pengerusi Temu duga Pengambilan calon-calon siswa-siswi Diploma 'Aliyah Qiraat (DAQ) dan calon-calon Pelajar Menengah serta calon-calon Pengajian Awam (Kategori C);
7. Pengerusi acara-acara aktiviti yang berhubungkait dengan Al-Quran; dan
8. Menerima arahan Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran (PPPQ) MABIMS dan Pengetua Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkihah.